



Ruj.Kami : Prk.ML.08/35-22 JLD.2 (6)
Tarikh : 16 Januari 2017

SEGERA DENGAN FAKS DAN POS

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg Dato'/Tuan/Puan,

PINDAAN DASAR TEMPOH PEMBAHARUAN LESEN VESEL DAN PERALATAN MENANGKAP IKAN DARI TIGA (3) TAHUN KEPADA SATU (1) TAHUN (PEKELILING PELESENAN BIL. 1/2017)

Dengan segala hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Seperti mana YBhg. Dato'/tuan/puan sedia maklum, Dasar Pelesenan Jabatan sedia ada telah menetapkan tempoh pembaharuan lesen bagi semua kategori vesel adalah selama satu (1) tahun. Walau bagaimanapun, melalui pekeliling rujukan Prk.ML.76/01 Jld. 3 (106) bertarikh 16 Mei 2011, Jabatan bersetuju agar tempoh sah untuk permohonan pembaharuan lesen vesel dan peralatan menangkap ikan yang baharu bagi sampan dan vesel enjin dalam Zon A diberi kelonggaran kepada tiga (3) tahun namun perlu menjalani pemeriksaan vesel pada setiap tahun. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pekeliling tersebut telah menimbulkan pelbagai isu di peringkat daerah mahupun negeri di samping memberikan cabaran kepada pihak Jabatan dalam menguruskan sumber secara mapan.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan telah bersetuju agar tempoh pembaharuan lesen vesel dan peralatan menangkap ikan bagi semua kategori vesel dipinda semula kepada **SATU (1) TAHUN SAHAJA**. Pekeliling ini akan berkuat kuasa pada **1 JUN 2017** dan mana-mana pembaharuan vesel yang dibuat selepas daripada tarikh tersebut perlu mematuhi dasar baharu ini dan tertakluk kepada semua syarat lain dan dasar pelesenan yang sedia ada yang masih berkuat kuasa.

4. Selaras dengan itu, pihak YBhg Dato'/tuan/puan diminta memaklumkan dan membuat hebahan secara menyeluruh berhubung perkara ini kepada semua pihak berkepentingan yang terlibat. Pekeliling Prk.ML.76/01 Jld. 3 (106) bertarikh 16 Mei 2011 akan terbatal dengan sendirinya bermula daripada tarikh kuat kuasanya pekeliling ini. Segala kerjasama dan tindakan pihak YBhg. Dato'/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATUK HJ. ISMAIL BIN ABU HASSAN)

Ketua Pengarah Perikanan Malaysia

Ibu Pejabat Perikanan

PUTRAJAYA

s.k

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan)

Semua Pengarah Bahagian

Penasihat Undang-undang

Semua Ketua Cawangan Bahagian Pengurusan

Semua Pegawai Bahagian Pengurusan Sumber

Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat

KETUA PENGARAH

AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA

Pejabat Ketua Pengarah APMM

Jabatan Perdana Menteri

Aras 4-11, One IOI Square, IOI Resort

62502, PUTRAJAYA

No. Fax : 03-8941 4000 / 03-8994 3731

KETUA PENGARAH
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
Wisma LKIM, Jalan Desaria
Pulau Meranti
47120, Puchong
SELANGOR DARUL EHSAN
No. Fax : 03-8060 3726

KOMANDER
PASUKAN POLIS MARIN (PPM)
Tingkat 24, Menara 1
Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia
Bukit Aman
50560 KUALA LUMPUR
No. Fax : 03-2266 3227 / 03-2272 4390

PENGURUS BESAR
PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
No. 152, 1st Floor
Jalan 2/3A, Pular Bandar Utama
KM 12, Jalan Ipoh
68100 KUALA LUMPUR
No. Fax : 03-6138 7819

SENARAI EDARAN

Pengarah Perikanan Negeri Perlis

Pengarah Perikanan Negeri Kedah

Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Perikanan Negeri Perak

Pengarah Perikanan Negeri Selangor

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan

Pengarah Perikanan Negeri Melaka

Pengarah Perikanan Negeri Johor

Pengarah Perikanan Negeri Pahang

Pengarah Perikanan Negeri Terengganu

Pengarah Perikanan Negeri Kelantan

Pengarah Perikanan Laut Sarawak

Pengarah Perikanan W.P Labuan